

08 NOV 2003

Dewan-Usul (NS)

DEWAN UNDANGAN NEGERI LULUS UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

SEREMBAN, 8 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri hari ini meluluskan usul ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad atas sumbangannya memimpin dan membangunkan Malaysia semasa 22 tahun memegang tampuk pemerintahan negara.

Usul yang dicadangkan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad (BN-Linggi) itu disokong oleh dua Exco kerajaan negeri Datuk Dr Yeow Chai Thiam (BN-Lukut) dan Datuk T. Rajagopalu (BN-Jeram Padang).

Persidangan Belanjawan Dewan Undangan Negeri itu dirasmikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar hari ini.

Mohamed Isa dalam usulnya merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Mahathir kerana berjaya membawa Malaysia mencapai kecemerlangan dalam urusan pentadbiran, merancang dan membangunkan negara.

Beliau berkata Malaysia bertuah kerana dikurniakan seorang pemimpin yang bijaksana seperti Dr Mahathir yang berusaha membawa bangsa Malaysia terkenal di persada dunia.

Mohamed Isa berkata Dr Mahathir yang bersara sebagai Perdana Menteri 31 Oktober lepas telah menjadikan Malaysia terus terkenal di seluruh dunia.

"Dasar-dasar yang diperkenalkan beliau seperti Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Penwastaaan, Dasar Persyarikatan Malaysia dan sebagainya telah berjaya mengangkat negara kita menjadi sebuah negara membangun," katanya.

Malah, Dr Mahathir berjaya menangani dua krisis ekonomi iaitu pada 1983 dan pada 1997 dengan baik sekali, dengan memperkenalkan langkah-langkah proaktif bagi menjana ekonomi domestik, kata Menteri Besar itu.

Katanya, seluruh rakyat Malaysia terhutang budi kepada bekas Perdana Menteri itu dan semangat kerja dan kepimpinannya harus dijadikan contoh oleh semua pihak.

Mohamed Isa yang mewakili kerajaan negeri dan rakyat negeri ini turut mengucapkan tahniah dan akan memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri yang baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atas pelantikannya itu.

Beliau yakin dengan pengalaman luas yang ada, Abdullah mampu mengurus pentadbiran negara dengan baik.

Persidangan dewan akan disambung Isnin ini.

--BERNAMA

APG BK